

LAWATAN PENANDA ARAS OLEH BAHAGIAN PEMAKANAN, IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (IPKKM) KE PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN (PKP)

**ANJURAN JAWATANKUASA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) ZON PERGIGIAN
PADA 3 MEI 2024 (JUMAAT)**

Rombongan dari Bahagian Pemakanan, IPKKM seramai 13 orang tiba jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Utama dan disambut baik oleh jawatankuasa EKSA Zon Pergigian. Ucapan alu-aluan menyambut ketibaan rombongan diberikan oleh Pn. Noramirah binti Abd Razak Jawatankuasa Promosi EKSA Zon Pergigian, PKP. Rombongan diketuai Pn. Naziah binti Abd Azif selaku ketua rombongan mengucapkan terima kasih kerana sudi menjemput mereka untuk datang melihat amalan EKSA yang diamalkan di PKP. Taklimat ringkas organisasi dan amalan EKSA Zon Pergigian disampaikan oleh Dr. Nurul Aliya binti Norain selaku urus setia EKSA Zon Pergigian.

Rombongan lawatan dimulakan dengan melihat pelaksanaan EKSA di semua subzon di PKP. Bermula dengan melihat mural di lobi utama beralih ke subzon biru, hijau dan diakhiri di zon kuning. Selain itu, ahli rombongan turut melawat Sudut Fizikal EKSA, Sudut Kitar Semula dan Taman Herba Zon Pergigian. Taman ini adalah salah satu inisiatif oleh Zon Pergigian bagi mempromosikan pembudayaan Amalan Hijau.

Lawatan diakhiri dengan majlis penutup dan sesi soal jawab bagi mendapatkan komen-komen dari wakil Bahagian Pemakanan mengenai penambahbaikan yang dapat dilakukan oleh Zon Pergigian dalam mengamalkan EKSA dan juga sebagai persediaan untuk menghadapi Audit EKSA IPKKM yang bakal berlangsung nanti. Ahli rombongan juga diberikan cenderahati sebagai tanda penghargaan.

Diharapkan dengan lawatan ini dapat memberikan idea, dorongan dan manfaat pada kedua-dua pihak supaya amalan EKSA sentiasa diamalkan dan berada pada tahap yang cemerlang.



Wakil dari Jawatankuasa EKSA Zon Pergigian menyambut kedatangan pelawat.



Taklimat pengenalan EKSA telah disampaikan oleh Dr. Nurul Aliya binti Norain.



Ahli rombongan melihat mural di Lobi Utama PKP.



Dr. Nurul Aliya binti Norain sedang memberikan penerangan tentang evolusi Klinik Pergigian Bergerak.



Meninjau Sudut Kitar Semula di subzon Kuning.



Meninjau bilik percetakan di subzon Kuning.



Melihat kubikel di sekitar subzon Hijau.



Sijil dan cenderahati disampaikan kepada wakil dan semua pelawat yang hadir. Wakil dari Bahagian Pemakanan iaitu Pn. Naziah binti Abd Azif turut bertukar cenderahati kepada wakil Program Kesihatan Pergigian.



Sesi bergambar bersama sebagai kenangan.